


**dji MIC 2**

# Manual Pengguna

v1.2 2024.04





Hak cipta dokumen ini adalah milik DJI dan semua hak cipta adalah terpelihara. Melainkan dibenarkan sebaliknya oleh DJI, anda tidak layak menggunakan atau membenarkan orang lain menggunakan dokumen atau mana-mana bahagian dokumen untuk menerbit semula, memindahkan atau menjual dokumen ini. Pengguna hanya perlu merujuk dokumen ini dan kandungannya sebagai arahan untuk mengendalikan produk DJI. Dokumen ini tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.

## **Mencari Kata Kunci**

Cari kata kunci seperti Bateri atau Pasang untuk mencari topik. Jika anda menggunakan Adobe Acrobat Reader untuk membaca dokumen ini, tekan Ctrl+F pada Windows atau Command+F pada Mac untuk memulakan carian.

## **Menavigasi ke Topik**

Lihat senarai lengkap topik dalam isi kandungan. Klik pada topik untuk navigasi ke bahagian itu.

## **Mencetak Dokumen Ini**

Dokumen ini menyokong pencetakan resolusi tinggi.

# Menggunakan Manual Ini

## Petunjuk

 Penting

 Petua

## Baca Sebelum Guna

Baca dokumen yang berikut sebelum menggunakan DJI™ Mic 2.

1. Garis Panduan Keselamatan
2. Panduan Permulaan Ringkas
3. Manual Pengguna

Anda disyorkan untuk menonton semua video tutorial dan membaca garis panduan keselamatan sebelum menggunakan peranti ini buat kali pertama. Pastikan anda membaca Panduan Permulaan Ringkas sebelum menggunakan peranti ini buat kali pertama dan rujuk Manual Pengguna ini untuk mendapatkan maklumat lanjut.

# Kandungan

<b>Menggunakan Manual Ini</b>	<b>3</b>
Petunjuk	3
Baca Sebelum Guna	3
<b>Kandungan</b>	<b>4</b>
<b>Pengenalan</b>	<b>5</b>
Pemancar DJI Mic 2	5
Gambaran Keseluruhan	5
Maklumat LED	6
Penerima DJI Mic 2	8
Bekas Pengecasan DJI Mic 2	9
<b>Pengendalian</b>	<b>10</b>
Memasang Pemancar	10
Memautkan Pemancar dan Penerima	11
Penggunaan dengan Kamera	13
Penggunaan dengan Peranti Mudah Alih	14
Penggunaan dengan Komputer	15
Pengendalian Skrin Sentuh Penerima	16
Skrin Utama	16
Leret ke Bawah-Menu Kawalan	18
Leret ke Atas-Kawalan Pemancar	21
Menyambungkan Pemancar kepada Peranti Bluetooth	22
Rakaman Kendiri untuk Pemancar	23
<b>Penyelenggaraan</b>	<b>24</b>
Mengecas Bateri	24
Mengecas dengan Bekas Pengecasan DJI Mic 2	24
Mengecas Pemancar dan Penerima	24
Menyimpan DJI Mic 2	24
Mengemaskinikan Perisian Tegar	25
Aksesori (Tidak Disertakan)	26
DJI Lavalier Mic	26
<b>Spesifikasi</b>	<b>27</b>


# Pengenalan

DJI Mic 2 ialah sistem mikrofon nirkawat dwisaluran, merangkumi dua pemancar dan satu penerima yang boleh merakam dua sumber bunyi secara serentak. Setiap pemancar dilengkapi mikrofon semua hala terbina dalam, yang boleh disambungkan kepada DJI Osmo Pocket 3, telefon bimbit dan peranti lain melalui Bluetooth dan menyokong fungsi rakaman kendiri dan pengedap hingar pintar. Pemancar dilengkapi klip agar mudah dialihkan dan sesuai digunakan dengan mikrofon luaran untuk memenuhi keperluan rakaman luar kamera selain meningkatkan kualiti audio.

Penerima dilengkapi skrin sentuh OLED yang membolehkan pengguna melihat tahap kelantangan masa nyata, kekuatan isyarat wayarles, gandaan, mod rakaman dan banyak lagi. Dengan port penyambungan, penerima boleh disambungkan kepada kamera atau peranti mudah alih untuk merakam audio berkualiti tinggi atau boleh digunakan sebagai mikrofon apabila disambungkan kepada komputer. Selain itu, port pemantauan bebas pada penerima membolehkan pelarasian audio dibuat dalam masa nyata. Bekas pengecasan yang disediakan boleh mengecas pemancar dan penerima secara serentak dan memautkan pemancar dan penerima secara automatik.

## Pemancar DJI Mic 2

### Gambaran Keseluruhan



#### 1. LED Status Rakaman

Menunjukkan status rakaman pemancar.

#### 2. Port Data (USB-C)

Untuk menyalin audio atau mengemaskinkan perisian tegar selepas menyambung kepada komputer. Juga boleh digunakan untuk pengecasan.

#### 3. Butang Rakam

Tekan sekali untuk memulakan atau menghentikan rakaman dalam mod rakaman kendiri.

Tekan dan tahan butang selama tiga saat untuk menukar antara penerima DJI Mic 2 atau Bluetooth.

#### 4. Input TRS 3.5 mm

Untuk menyambungkan mikrofon luaran. JANGAN sambungkan mikrofon dengan bekalan kuasa 24 V atau 48 V.

## 5. LED Status Sistem

Menunjukkan status sistem pemancar.

## 6. Butang Pemautan

Tekan dan tahan selama dua saat untuk memulakan pemautan kepada penerima atau peranti mudah alih melalui Bluetooth. Apabila disambungkan kepada peranti mudah alih, tekan sekali untuk mengambil foto atau memulakan atau menghentikan rakaman. Ambil perhatian bahawa hanya peranti mudah alih dengan butang kelantangan yang boleh digunakan untuk mengambil foto atau memulakan dan menghentikan video disokong.


## 7. Butang Kuasa

Tekan dan tahan selama dua saat untuk menghidupkan atau mematikan kuasa. Tekan sekali untuk mendayakan atau menyahdayakan pengurangan hingar.

## 8. Pad Pengecasan

Pengecasan akan bermula apabila pad pengecasan pemancar menyambung kepada pin pengecasan pada Bekas Pengecasan DJI Mic 2.

## Maklumat LED




### ① LED Status Rakaman

Pola Kelipan	Penerangan
	Merah padu Pemancar sedang merakam secara bebas.
	Berkelip merah Pemancar telah dibisukan.
	Padam Pemancar tidak merakam secara bebas.

## ② LED Status Sistem

Pola Kelipan	Penerangan	
<b>Status Pemautan kepada Penerima DJI Mic 2</b>		
—	Hijau padu	Dipautkan kepada penerima
.....	Berkelip hijau secara perlahan	Tidak dipautkan kepada penerima
....	Berkelip hijau dengan pantas	Sedang dipautkan
<b>Status Pemautan melalui Bluetooth</b>		
—	Biru padu	Dipautkan kepada peranti Bluetooth
.....	Berkelip biru secara perlahan	Tiada peranti Bluetooth dipautkan
....	Berkelip biru dengan pantas	Sedang dipautkan
<b>Pengurangan hingar</b>		
—	Kuning padu	Pengurangan hingar didayakan apabila pemancar dipautkan kepada penerima DJI Mic 2 atau peranti Bluetooth yang lain.
....	Berkelip kuning	Pengurangan hingar didayakan apabila pemancar tidak dipautkan kepada penerima DJI Mic 2 atau peranti Bluetooth yang lain.
<b>Penerangan Paras Bateri</b>		
—	Merah padu	0-10%
<b>Paras Bateri Semasa Pengecasan</b>		
..	Berkelip hijau secara perlahan	0-25%
... ..	Berkelip hijau dua kali	26-50%
... ...	Berkelip hijau tiga kali	51-75%
.... ....	Berkelip hijau empat kali	76-100%
—	Padam	Dicas penuh
<b>Kemaskinian Perisian Tegar</b>		
— —	Berkelip merah dan hijau secara berselang-seli	Perisian tegar sedang dikemaskinikan

## Penerima DJI Mic 2



### 1. Skrin Sentuh

Memaparkan maklumat seperti tahap kelantangan masa nyata, paras bateri penerima dan pemancar, status pengecasan, kekuatan isyarat wayarles, gandaan dan mod rakaman. Leret ke atas atau ke bawah pada skrin untuk mengakses tetapan. Rujuk Pengendalian Skrin Sentuh Penerima untuk mendapatkan butiran.

### 2. Dial

Apabila penerima dipaparkan pada skrin utama, tekan sekali kemudian putar untuk melaraskan gandaan pemancar atau penerima. Leret ke bawah dari atas skrin untuk mengakses Menu Kawalan. Pilih dan sahkan tetapan yang berkaitan dengan memutar dan menekan dial.

### 3. Butang Kuasa

Tekan dan tahan untuk menghidupkan atau mematikan kuasa. Tekan sekali untuk mengunci atau membuka kunci skrin. Apabila skrin penerima tidak dipaparkan pada skrin utama, tekan butang kuasa sekali untuk kembali ke skrin utama.

### 4. Port Pemantauan

Masukkan palam fon kepala TRS 3.5 mm untuk memantau kualiti audio pemancar.

### 5. Output TRS 3.5 mm

Untuk output audio.

### 6. Tapak Biasa Penerima

Untuk memasang penerima pada tapak biasa/tapak kilat kamera.

### 7. Port Data (USB-C)

Selepas menyambung kepada komputer, port data boleh digunakan untuk mengemaskinikan perisian tegar atau sebagai mikrofon komputer apabila digandingkan dengan pemancar. Port data juga boleh digunakan untuk pengecasan.


### 8. Port Penyambungan

Penerima boleh disambungkan kepada peranti mudah alih dengan memasukkan penyesuaian peranti mudah alih ke dalam port penyambungan.

### 9. Pad Pengecasan

Pengecasan akan bermula apabila pad pengecasan penerima menyambung kepada pin pengecasan pada Bekas Pengecasan DJI Mic 2.

## Bekas Pengecasan DJI Mic 2



### 1. Port Pengecasan (USB-C)

Untuk menyambung kepada pengecas USB-C.

### 2. LED Paras Bateri

Menunjukkan paras bateri bekas pengecasan. Lihat carta di bawah untuk mendapatkan butiran lanjut.

Menunjukkan paras bateri bekas pengecasan.

- LED bernyala      LED berkelip
- LED tidak bernyala

LED1	LED2	LED3	LED4	Paras Bateri Semasa Pengecasan (LED berkelip mengikut urutan)
				76~99%
			<input type="radio"/>	51~75%
		<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	26~50%
	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	≤25%
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dicas penuh (Kuasa dimatikan)


  

LED1	LED2	LED3	LED4	Paras Bateri
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	76~100%
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	51~75%
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	26~50%
<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	10~25%
	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<10%


# Pengendalian

## Memasang Pemancar

Pemancar boleh dipasangkan pada pakaian menggunakan magnet atau dipasang tegak pada permukaan yang stabil. Klip juga boleh digunakan untuk memasang pemancar pada pakaian.




Anda disyorkan untuk menggunakan penutup mikrofon kalis angin semasa menggunakan pemancar di luar bangunan atau dalam persekitaran yang berangin. Pasangkan penutup mikrofon kalis angin pada pemancar dengan menjajarkan penutup dengan mikrofon dalam terlebih dahulu, kemudian tekan dengan kuat untuk memasang penutup mikrofon kalis angin.



## Memautkan Pemancar dan Penerima

Dalam kombinasi DJI Mic 2 (2 TX + 1 RX + Bekas Pengecasan) dan kombinasi DJI Mic 2 (1 TX + 1 RX), pemancar dan penerima dipautkan secara lalai. Ikut langkah di bawah untuk memautkan pemancar dan penerima jika pemancar dan penerima ternyahpaut. Pemancar dan penerima boleh dipautkan secara automatik dengan meletakkan pemancar dan penerima ke dalam bekas pengecasan. Pemancar dan penerima juga boleh dipautkan secara manual.

- 💡 Sebelum memautkan pemancar, pastikan pemancar berada dalam mod pemautan dengan penerima. Dalam mod ini, LED status sistem akan berklik hijau secara perlahan. Pemancar berada dalam mod pemautan Bluetooth apabila LED status sistem pemancar berklik biru.
- Tekan dan tahan butang rakam selama tiga saat untuk menukar antara pemautan penerima DJI Mic 2 atau Bluetooth.




### Kaedah 1: Paut secara automatik di dalam bekas pengecasan

Letakkan pemancar dan penerima di dalam bekas pengecasan untuk memautkan pemancar dan penerima secara automatik.




## Kaedah 2: Paut secara manual

1. Apabila LED status sistem pada pemancar berkelip hijau secara perlahan, tekan butang pemautan pemancar selama dua saat, kemudian pemancar akan mula mencari penerima yang berdekatan.
2. Leret ke bawah pada skrin penerima, pilih Tetapan Penerima > Pautkan Peranti dan ketik Pautkan untuk memulakan pemautan. Pemancar telah dipautkan kepada penerima apabila LED status sistem bernyala hijau padu. Pengguna boleh melihat status pemancar pada antara muka penerima.



## Penggunaan dengan Kamera


Untuk merakam dan menghantarkan audio kepada kamera, pasangkan penerima pada kamera menggunakan tapak biasa pada penerima, kemudian sambungkan penerima kepada port mikrofon kamera menggunakan kabel kamera yang disediakan, seperti yang ditunjukkan di bawah.



-  • Semasa menggunakan mikrofon dengan kamera, anda disyorkan untuk meningkatkan gandaan penerima dan mengurangkan gandaan kamera untuk rakaman audio yang lebih baik. Rujuk Arahan tentang Gandaan Disyorkan bagi Persediaan Kamera untuk mendapatkan maklumat lanjut.


## Penggunaan dengan Peranti Mudah Alih

Rakam dan hantar audio kepada peranti mudah alih dengan memasang penerima pada peranti mudah alih menggunakan penyesuai peranti mudah alih.



## Penggunaan dengan Komputer

Sambungkan penerima kepada komputer melalui port USB-C untuk menggunakan pemancar sebagai mikrofon.



- Gunakan kabel pengecasan standard atau Penyesuai Telefon Bimbit DJI Mic 2 (Jenis C) untuk menyambungkan DJI Mic 2 kepada komputer, kemudian masukkan tetapan yang berkaitan untuk menetapkan input audio.
- **JANGAN** gunakan penerima untuk penstoran data. Jika tidak, data mungkin hilang.

## Pengendalian Skrin Sentuh Penerima

Skrin sentuh memaparkan maklumat seperti tahap kelantangan masa nyata, paras bateri penerima dan pemancar, status pengecasan, kekuatan isyarat wayarles, gandaan dan mod rakaman. Paparan skrin sentuh mungkin berbeza apabila dipautkan kepada peranti yang berbeza. Paparan ini adalah untuk rujukan sahaja. Contoh di bawah menunjukkan paparan apabila penerima dipautkan kepada dua pemancar pada masa yang sama.



### Skrin Utama

Bahagian atas skrin menunjukkan status penerima.

- S** Menunjukkan mod rakaman. Ketik untuk memilih antara S (Stereo), M (Mono) dan Ms (Penjejak Keselamatan).
- +2** Menunjukkan gandaan penerima.
- Headphones** Menunjukkan terdapat fon kepala luaran yang disambungkan.
- USB** Menunjukkan peranti pangkalan seperti peranti mudah alih atau komputer telah disambungkan.
- A7S3** Menunjukkan model kamera yang dipilih.
- 32BF** Menunjukkan pemancar dihidupkan kuasa untuk merakam fail audio secara bebas dalam apungan 32 bit.
- 1.||| 2.|||** Menunjukkan kekuatan isyarat wayarles antara pemancar dengan penerima.
- Battery** Menunjukkan paras bateri penerima.
- Lock** Menunjukkan skrin penerima dikunci.

---

Bahagian tengah skrin menunjukkan status pemancar.

---

 Menunjukkan saluran bunyi.

 Menunjukkan gandaan pemancar.

 Menunjukkan pengurangan hingar didayakan.

 Menunjukkan pemancar sedang merakam secara bebas.

 Menunjukkan paras bateri pemancar.

---

Bahagian bawah skrin menunjukkan kelantangan masa nyata.

---

 Kelantangan audio daripada mikrofon terbina dalam pada pemancar.

 Pemancar telah dibisukan.

 Kelantangan audio daripada mikrofon luaran yang disambungkan kepada pemancar.


 Mikrofon luaran yang disambungkan kepada pemancar telah dibisukan.

---

## Leret ke Bawah-Menu Kawalan



### Tetapan Penerima



#### Mod Rakaman

Mono: Menunjukkan output saluran kiri dan kanan penerima adalah sama.

Penjejakan Keselamatan: Sama seperti semasa menggunakan Mono, gandaan output saluruan kanan adalah 6 dB lebih rendah berbanding saluruan kiri untuk mengelakkan dedahan lampau.

Stereo: Dalam mod Stereo, audio akan diasingkan kepada saluruan kiri dan kanan.



#### Tetapan Kamera yang Disyorkan

Ketik untuk memilih jenama dan model kamera, kemudian penerima akan dikonfigurasikan secara automatik agar sesuai dengan gandaan penerima. Gandaan penerima yang dipraturutapkan boleh membantu untuk mengatasi kesan penangkap bunyi yang kurang baik yang disebabkan oleh gandaan mikrofon terbina dalam yang berbeza pada kamera yang berbeza.



#### Gandaan Penerima

Ketik untuk membuka gelangsa Gandaan Penerima dan leret gelangsa untuk melaraskan gandaan output penerima.



#### Kelantangan

Ketik untuk membuka gelangsa Kelantangan dan leret gelangsa untuk melaraskan kelantangan pemantauan.



#### Hidupkan/Matiakan Kuasa Kamera Secara Serentak

Apabila didayakan, penerima akan dihidupkan dan dimatikan kuasa secara automatik selari dengan kamera apabila disambungkan kepada kamera melalui kabel TRS 3.5 mm. Penerima dihidupkan kuasa secara automatik dengan kamera pada masa yang sama. Apabila kamera dimatikan kuasa atau mod rakaman yang dipilih tidak merakam bunyi, maka penerima akan dimatikan kuasa secara automatik. Ciri ini memberikan pengalaman rakaman audio yang lebih baik dan membantu untuk menjimatkan kuasa sekiranya penerima tidak dimatikan kuasa.



#### Autotutup Penerima

Apabila didayakan, penerima, jika tidak dipautkan kepada pemancar dalam tempoh 30 minit, akan dimatikan secara automatik selepas 30 minit tanpa sebarang aktiviti.



#### Pautkan Peranti

Ketik untuk memautkan penerima kepada pemancar. Ambil perhatian bahawa peranti yang dipautkan sebelum ini akan dialih keluar selepas mengetik Pautkan Peranti.

## Tetapan Pemancar



### Potongan Rendah

Apabila didayakan, pemancar akan menapis bunyi frekuensi rendah (100 Hz dan ke bawah) secara automatik, sekali gus mengurangkan hingar frekuensi rendah dan menghasilkan rakaman yang lebih tulen.



### Gandaan Pemancar

Melaraskan gandaan input pemancar. Ketik untuk melaraskan gandaan input pemancar mengikut kelantangan masa nyata. Kurangkan gandaan sewajarnya apabila bar kelantangan bertukar merah. Ambil perhatian bahawa tindakan melaraskan gandaan pemancar akan mempengaruhi kelantangan rakaman setempat.



### Rakaman Apung 32-Bit

Apabila didayakan, pemancar boleh merakam fail audio secara bebas dalam apungan 32-bit yang menyediakan julat dinamik yang lebih besar untuk pascasuntingan audio. Ambil perhatian bahawa tempoh rakaman pemancar akan menjadi lebih singkat apabila rakaman fail audio dalam apungan 32 bit didayakan.



### Kunci Henti RAKAM

Setelah didayakan, pengguna tidak boleh menghentikan rakaman kendiri pemancar melalui butang rakam.



### Pengurangan Hingar melalui Butang

Apabila didayakan, tekan butang kuasa untuk mendayakan atau menyahdayakan ciri pengurangan hingar.



### Autorakam

Apabila didayakan, pemancar akan memulakan rakaman bebas secara automatik sebaik sahaja dihidupkan kuasa atau dikeluarkan dari bekas pengecasan.



### Storan

Ketik untuk melihat tempoh boleh rakam bebas bagi Pemancar 1 dan 2 serta pilihan untuk memformat pemancar.



### Pemberitahuan Getaran

Apabila didayakan, pemancar akan menjana pemberitahuan getaran apabila tindakan yang berkaitan dicetuskan.

- Hidupkan kuasa: Bergetar untuk tempoh yang singkat.
- Matikan kuasa: Bergetar untuk tempoh yang lebih lama.
- Mulakan rakaman secara bebas: Bergetar untuk tempoh yang singkat.
- Hentikan rakaman secara bebas: Bergetar dua kali.
- Dayakan/nyahdayakan pengurangan hingar: Bergetar untuk tempoh yang singkat.
- Bisukan/nyahbisukan pemancar: Bergetar untuk tempoh yang singkat.



### Penunjuk LED

Apabila didayakan, LED status rakaman dan LED status sistem pemancar akan berkelip seperti biasa. Apabila dinyahdayakan, kedua-dua lampu LED status akan dimatikan.



### Autotutup Pemancar

Apabila didayakan, pemancar, jika tidak disambungkan kepada mana-mana peranti dan rakaman kendiri tidak diaktifkan, akan dimatikan secara automatik selepas 15 minit tanpa sebarang aktiviti.

## Tetapan



### Kecerahan

Ketik dan lerek gelangsa untuk melaraskan tahap kecerahan.



### Bahasa

Ketik untuk menetapkan bahasa.



### Tarikh/Masa

Menetapkan tarikh dan masa untuk fail rakaman.



### Tetapan Semula Kilang

Ketik untuk menetapkan semula tetapan kepada tetapan lalai. Langkah ini akan memadamkan semua tetapan semasa. Penerima akan ditetapkan semula kepada tetapan kilang asal dan dimulakan semula.



### Versi

Ketik untuk melihat SN, versi perisian tegar penerima dan versi perisian tegar pemancar yang dipautkan.




### Maklumat Pematuhan

Memaparkan maklumat pematuhan.

## Leret ke Atas-Kawalan Pemancar

Leret ke atas pada skrin utama untuk melihat dan mengawal status rakaman, membisukan status dan mendayakan pengedap hingar. Leret ke atas pada bahagian kiri skrin utama untuk mengawal Pemancar 1 dan leret ke atas pada bahagian kanan skrin utama untuk mengawal Pemancar 2.



**TX2**  
**REC**

Ketik untuk memulakan rakaman kendiri. Apabila TX<sub>REC</sub> dipaparkan, ini bermakna pemancar sedang merakam secara bebas. Ketik sekali lagi untuk menghentikan rakaman.



Ketik untuk membisukan pemancar. Apabila dipaparkan, ini bermakna pemancar telah dibisukan. Ketik sekali lagi untuk menyahbisukan pemancar.




Tekan untuk mendayakan atau menyahdayakan pengurangan hingar. Apabila dipaparkan, ini bermakna pengurangan hingar telah didayakan. Ketik sekali lagi untuk menyahdayakan pengurangan hingar.

## Menyambungkan Pemancar kepada Peranti Bluetooth

Pemancar boleh disambungkan kepada DJI Osmo Pocket 3, telefon bimbit dan peranti lain melalui Bluetooth. Dengan mengambil proses menyambungkan pemancar kepada telefon bimbit sebagai contoh, langkah pengendaliannya adalah seperti yang berikut:

1. Pastikan pemancar sedia untuk dipautkan melalui Bluetooth selepas dihidupkan kuasa. LED status sistem pemancar berkelip hijau apabila pemancar sedia untuk dipautkan kepada penerima. Tekan dan tahan butang rakam pemancar selama tiga saat untuk menghidupkan mod pemautan Bluetooth, kemudian LED status sistem pemancar akan berkelip biru secara perlahan.
2. Tekan dan tahan butang pemautan pemancar selama dua saat, pemancar akan mula mencari peranti Bluetooth yang berdekatan. LED status sistem pemancar akan berkelip biru dengan pantas.
3. Dayakan Bluetooth pada peranti mudah alih dan pilih DJI-MIC2-XXXXXX antara peranti Bluetooth yang dicari untuk pemautan.
4. Apabila pemancar berjaya dipautkan kepada peranti mudah alih melalui Bluetooth, LED status sistem akan bernyala biru padu.




- 💡 • Untuk merakam video melalui sambungan Bluetooth kepada pemancar, kamera pihak ketiga, sembang video, aplikasi persidangan atau penstriman langsung adalah disyorkan. Pastikan kamera utama menyokong input audio Bluetooth.
- Apabila disambungkan kepada telefon pintar melalui Bluetooth, fungsi rakaman kendiri dan pengurangan hingar pemancar tidak tersedia.
- Port USB-C pemancar membolehkan sambungan kepada fon kepala isyarat digital untuk mendengar audio daripada telefon bimbit.


## Rakaman Kendiri untuk Pemancar

Pemancar menyokong rakaman kendiri dan disertakan dengan 8 GB storan untuk menyimpan maksimum 14 jam audio 48 kHz 24-bit yang tidak dimampatkan.

Apabila pemancar dihidupkan kuasa, tekan butang rakam untuk memulakan rakaman kendiri dan tekan sekali lagi untuk menghentikan rakaman.



Semasa merakam audio WAV mono 24-bit, jumlah tempoh rakaman pemancar adalah kira-kira 14 jam. Fail dibahagikan secara automatik setiap 31 minit. Rakaman akan berhenti apabila storan penuh. Semasa merakam audio apungan 32-bit, jumlah tempoh rakaman pemancar adalah kira-kira 11 jam. Fail dibahagikan secara automatik setiap 30 minit. Audio yang dirakam boleh dieksport atau dipadamkan selepas disambungkan kepada komputer. Storan dalaman juga boleh diformat melalui penerima.




- 💡 • Sistem fail pemancar hanya menyokong FAT32 dengan peruntukan saiz unit tidak melebihi 16 KB.

# Penyelenggaraan

## Mengecas Bateri


### Mengecas dengan Bekas Pengecasan DJI Mic 2

Bekas pengecasan dilengkapi bateri terbina dalam dengan kapasiti 3250 mAh. Letakkan pemancar dan penerima di dalam bekas pengecasan untuk memulakan pengecasan. Apabila bekas pengecasan dibuka, penerima akan memaparkan paras bateri ketiga-tiga peranti dan baki tempoh rakaman pemancar. Pemancar dan penerima akan dihidupkan kuasa secara automatik setelah dikeluarkan dari bekas pengecasan.




### Mengecas Pemancar dan Penerima

Anda disyorkan untuk menggunakan kepala pengecasan dengan spesifikasi 5 V/1 A untuk mengecas pemancar dan penerima melalui Kabel Pengecasan Pisah USB-C DJI Mic. Masa kira-kira 70 minit diperlukan untuk mengecas pemancar dan penerima sepenuhnya.



## Menyimpan DJI Mic 2

Bekas pengecasan DJI Mic 2 memuatkan dua pemancar dengan magnet klip, dua penyesuai peranti mudah alih dan satu penerima. Penyesuai peranti mudah alih juga boleh dipasangkan pada penerima dan diletakkan bersama.



## Mengemaskinikan Perisian Tegar

Apabila perisian tegar baharu tersedia, kemaskinikan perisian tegar dengan menyambungkan pemancar dan penerima kepada komputer satu persatu.

Cara mengemaskinikan perisian tegar:

1. Muat turun perisian tegar pada halaman produk di [www.dji.com/mic-2/downloads](http://www.dji.com/mic-2/downloads).
2. Sambungkan pemancar atau penerima kepada komputer menggunakan kabel USB-C yang disediakan. Semasa menyambung kepada komputer, penerima perlu berada dalam keadaan dimatikan kuasa, manakala pemancar boleh berada dalam keadaan dihidupkan atau dimatikan kuasa.
3. Letakkan fail .bin pakej kemaskinian perisian tegar yang dimuat turun di bawah direktori akar pemancar atau penerima.
4. Selepas dinyahsambungkan daripada komputer, penerima akan mula membuat naik taraf secara automatik. Pemancar perlu dihidupkan kuasa untuk mula membuat naik taraf secara automatik. LED Status Sistem akan berklik merah dan hijau secara berselang-seli semasa proses naik taraf.
5. Setelah naik taraf selesai, versi perisian tegar boleh dilihat pada penerima untuk mengesahkan bahawa penerima telah berjaya dinaik taraf kepada perisian tegar yang terkini.

Jika kemaskinian perisian tegar gagal, muat turun perisian tegar sekali lagi, mulakan semula penerima atau pemancar dan ulangi langkah di atas. Selepas kemaskinian perisian tegar selesai, semak versi perisian tegar pada penerima untuk memastikan perisian tegar telah berjaya dikemaskinikan.


- 💡 • Jika perisian tegar pemancar tidak dikemaskinikan secara automatik selepas dihidupkan kuasa, nyahdayakan Autorakam pada skrin sentuh penerima selepas menyambungkan pemancar kepada penerima.

## Aksesori (Tidak Disertakan)


### DJI Lavalier Mic

Pemancar DJI Mic 2 menyediakan input TRS 3.5 mm untuk digunakan dengan DJI Lavalier Mic.

Masukkan palam 3.5 mm DJI Lavalier Mic ke dalam port input 3.5 mm semasa digunakan. Mikrofon terbina dalam pemancar tidak akan tersedia dan DJI Lavalier Mic akan digunakan sebagai input audio.



Semasa memasang mikrofon lavalier, klipkan mikrofon pada kolar atau bahagian hadapan baju dan pastikan bahagian atas mikrofon lavalier berada 15-20 cm dari mulut. Sebaiknya kabel mikrofon dipasangkan pada bahagian dalam pakaian untuk memastikan mikrofon kekal pada tempatnya.



- 💡 • Mikrofon lavalier boleh diputar 360°, membolehkan kedudukan fleksibel klip kolar pada pakaian.
- Penutup mikrofon kalis angin mikrofon lavalier boleh ditanggalkan agar mikrofon tampak kurang menonjol.

# Spesifikasi

## Pemancar DJI MIC 2

Model	DMT02
Dimensi	46.06×30.96×21.83 mm (P×L×T)
Berat	28 g
Mod Wayarles	GFSK 1 Mbps dan 2 Mbps
Kuasa Tersinar Isotropik Setara (EIRP)	<20 dBm
Frekuensi Pengendalian Mod Wayarles	2.4000-2.4835 GHz
Protokol Bluetooth	BR/EDR
Frekuensi Pengendalian Bluetooth	2.4000-2.4835 GHz
Kuasa Pemancar Bluetooth (EIRP)	<20 dBm
Jenis Bateri	Li-ion
Kapasiti Bateri	360 mAh
Tenaga Bateri	1.39 Wh
Voltan Bateri	3.87 V
Suhu Pengecasan	5° hingga 45°C (41° hingga 113°F)
Suhu Pengendalian	-10° hingga 45°C (14° hingga 113°F)
Tempoh Pengecasan	70 minit
Tempoh Pengendalian	6 jam <sup>[1]</sup>

## Penerima DJI MIC 2

Model	DMR02
Dimensi	54.20×28.36×22.49 mm (P×L×T)
Berat	28 g
Mod Wayarles	GFSK 1 Mbps dan 2 Mbps
Kuasa Tersinar Isotropik Setara (EIRP)	<20 dBm
Frekuensi Pengendalian	2.4000-2.4835 GHz
Jenis Bateri	Li-ion
Kapasiti Bateri	360 mAh
Tenaga Bateri	1.39 Wh
Voltan Bateri	3.87 V
Suhu Pengecasan	5° hingga 45°C (41° hingga 113°F)
Suhu Pengendalian	-10° hingga 45°C (14° hingga 113°F)
Tempoh Pengecasan	70 minit
Tempoh Pengendalian	6 jam <sup>[1]</sup>

**Bekas Pengecasan DJI MIC 2**

Model	DMC02
Dimensi	116×41.5×59.72 mm (P×L×T)
Berat	200 g
Jenis Bateri	18650 Li-ion
Kapasiti Bateri	3250 mAh
Tenaga Bateri	11.7 Wh
Voltan Bateri	3.6 V
Spesifikasi Pengecasan	5 V, 1.5-3 A
Suhu Pengecasan	5° hingga 40°C (41° hingga 104°F)
Suhu Pengendalian	5° hingga 40°C (41° hingga 104°F)
Tempoh Pengecasan	2 jam 40 minit
Kitaran Pengecasan bagi TX dan RX	Kira-kira dua kitaran semasa mengecas dua TX dan satu RX pada masa yang sama

**Umum**

Pola Kutub	Semua hala
Tindak Balas Frekuensi	Potongan Rendah Dimatikan: 50 Hz - 20 kHz Potongan Rendah Dihidupkan: 100 Hz - 20 kHz
Aras Tekanan Bunyi (SPL) Maksimum	120 dB SPL
Tahap Input Maksimum (3.5 mm)	-6 dBV (THD < 0.1%)
Hinggar Setara	21 dBA
Kuasa Output Antara Muka Pemantauan	Output Maksimum 12 mW@1 kHz, 32 Ω
Jarak Pemancaran Maksimum <sup>[2]</sup>	250 m (FCC) 160 m (CE)

[1] Diuji semasa TX disambungkan kepada RX tanpa klip rakaman sandaran secara dalaman dan RX disambungkan kepada kamera melalui Kabel Audio Kamera (TRS 3.5 mm).

[2] Diukur dalam persekitaran luar yang tidak berhalangan dan tanpa gangguan.

KAMI BERSEDIA MEMBANTU ANDA



Orang Hubungan  
SOKONGAN DJI

Kandungan ini tertakluk pada perubahan tanpa notis awal.



<https://www.dji.com/mic-2/downloads>

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai dokumen ini,  
sila hubungi DJI dengan menghantar mesej kepada [DocSupport@dji.com](mailto:DocSupport@dji.com).

DJI merupakan tanda dagangan DJI.  
Hak Cipta © 2024 DJI Hak Cipta Terpelihara.